



PERTUBUHAN HIMPUNAN LEPASAN INSTITUSI PENDIDIKAN MALAYSIA



MISI KEMANUSIAAN SULAWESI

2018

Laporan Bantuan Fasa Kecemasan, Pemulihan dan
Susulan Bencana Gempa dan Tsunami Sulawesi 2018

Biro Misi Kemanusiaan

Pertubuhan Himpunan Lepasn Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN)

A-03-1, Medan Pusat Bandar 5, Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +6 03 8926 8892 Faks: +603 8912 4263

www.haluan.org.my



GEMPABUMI DAN TSUNAMI SULAWESI TENGAH, 2018

Bencana gempabumi terburuk di dunia sepanjang 2018, juga korban terbesar di Indonesia sejak gempabumi Yogyakarta 2006. Ia mencetus kejadian tsunami dan likuifaksi tanah di kota Palu, Donggala dan Mamuju.

Sekurang-kurangnya 2,657 orang terkorban dan lebih 10,000 yang lain tercedera, di mana 4,612 daripadanya dalam keadaan parah.

KANDUNGAN

1.0 Pendahuluan	4
2.0 Latar Belakang Bencana Alam Sulawesi Tengah	6
3.0 Misi Kemanusiaan HALUAN	14
4.0 Bantuan Fasa Kecemasan dan Darurat	21
5.0 Pelaksanaan Projek Fasa Pemulihan	27
6.0 Rancangan Penerusan Bantuan	44
7.0 Rumusan Misi Bantuan Sulawesi	46

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebajikan, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang buruk dan keji. Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Surah Ali 'Imran, ayat 104

1.0 PENDAHULUAN

HALUAN adalah singkatan kepada **Pertubuhan Himpunan Lepas Institusi Pendidikan Malaysia**, sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan pada tahun 1988. Berteraskan kepada prinsip dan nilai universal Islam, HALUAN mencurahkan bakti kepada setiap lapisan masyarakat tanpa batas pegangan agama, bangsa, politik, status sosial mahupun geografi.



Bersandar kepada moto "Berakhlak, Mendidik dan Berbakti", ahli-ahli HALUAN sentiasa bersedia bergerak ke hadapan dan berkhidmat untuk masyarakat melalui pelbagai bentuk aktiviti kebajikan.

Peranan penting dalam merealisasikan agenda mendidik dan berbakti kepada masyarakat dilaksanakan melalui Biro Misi Kemanusiaan. Sehingga kini, HALUAN telah banyak terlibat dalam bantuan bencana alam dan krisis kemanusiaan, di dalam negara dan juga di peringkat antarabangsa.



Moto HALUAN

Berakhlak, Mendidik & Berbakti



BANTUAN KEMANUSIAAN

Saban tahun sejak 2002, HALUAN terlibat aktif membantu mangsa bencana banjir di Johor, Pahang dan Kelantan. Manakala bencana gempa bumi dan tsunami di Aceh pada tahun 2004 merupakan misi bantuan luar negara besar-besaran yang pertama bagi HALUAN, melibatkan 114 sukarelawan. Ia disusuli dengan beberapa lagi misi bantuan, termasuklah ke Pakistan dan Kashmir pada tahun 2005, Sichuan (China) pada tahun 2008, Sumatera Barat pada tahun 2009, kawasan

bencana letusan Gunung Merapi pada tahun 2010 serta kawasan gempabumi di Van dan Erciş di Turki pada tahun 2011.

Sukarelawan HALUAN juga melaksanakan bantuan kepada pelarian bencana kemarau serta kebuluran di Somalia pada tahun 2011. Sejak tahun 2012, HALUAN turut menyantuni pelarian-pelarian akibat krisis kemanusiaan yang masih berlarutan di Syria dan Myanmar.



Bantuan Tanpa Batasan!

Sehingga kini, HALUAN telah menghantar misi bantuan kemanusiaan dan kebajikan ke 24 buah negara, iaitu: Indonesia, Filipina, Vietnam, Kemboja, Thailand, Myanmar, China (Sichuan), Nepal, Pakistan, Afghanistan, Bangladesh, India, Sri Lanka, Somalia, Kenya, Togo, Sudan, Mesir, Moroko, Turki, Palestin, Lubnan, Jordan, dan Syria.



MISI BANTUAN TERKINI

Terkini, sukarelawan HALUAN dihantar membantu mangsa gempabumi serta tsunami di Palu, Sulawesi Tengah, Indonesia. Pasukan pertama telah dihantar pada 4 Oktober 2018, enam hari selepas bencana melanda Sulawesi Tengah, khususnya Kota Palu, Sigi dan Donggala.

Misi tersebut dilaksanakan melalui kerjasama dengan Kedutaan Indonesia dan NGO tempatan, PKPU Human Initiative. Sehingga akhir November, seramai 20 orang sukarelawan HALUAN, termasuk wakil-wakil Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) dan

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), telah dihantar ke lapangan.

Bantuan yang dilaksanakan termasuklah agihan makanan asasi, rawatan kesihatan dan perubatan, motivasi dan kaunseling, agihan air bersih, pembinaan penginapan sementara yang dipanggil Rumah HALUAN Prihatin serta pembinaan beberapa buah Masjid Darurat.

Sumbangan dana diperolehi dari masyarakat awam Malaysia melalui kempen ceramah di masjid dan sekolah, serta sumbangan secara atas talian menerusi kempen di media sosial.

2.0 LATAR BELAKANG BENCANA ALAM SULAWESI TENGAH

2.1 SEJARAH GEMPA DAN TSUNAMI SULAWESI

Wilayah Sulawesi yang berada di Sesar Palu-Koro yang aktif, menyebabkan ia terdedah kepada bencana gempabumi dan tsunami. Sulawesi Tengah dilanda bencana sebanyak 11 kali sejak tahun 1927.



1927

Data yang diterbitkan oleh Badan Nasional Penanggulangan Bencana (BNPB) menunjukkan gempa pernah terjadi di Teluk Palu pada 1 Disember 1927. Akibat gempa tersebut, 14 orang meninggal dunia dan 50 yang lain tercedera.



1930

Kemudian pada 30 Januari 1930, tsunami setinggi lebih dua meter menghentam pantai barat Donggala selama 2 minit.



1938

Lapan tahun kemudian pada 14 Ogos 1938, tsunami sekali lagi melanda Teluk Bambu, Kecamatan Balaesang, Donggala. Dengan ketinggian ombak tsunami sehingga 10 meter, 200 penduduk meninggal dunia, 790 rumah rosak dan seluruh perkampungan di pesisir barat Donggala hampir tenggelam.



1966

Tsunami juga melanda pantai barat Donggala dan Toli-Toli pada 1 Januari 1966. Hentaman ombak tsunami setinggi empat meter menyebabkan sembilan orang meninggal dunia.



1998

Seterusnya pada 11 Oktober 1998, gempa belaku lagi di Donggala sehingga ratusan bangunan rosak teruk.



2008

Pada 17 November 2008, gempa kembali menggegar Laut Sulawesi, menyebabkan empat penduduk meninggal dunia.




2012

Kemudian pada 18 Ogos 2012, gempa sekali lagi melanda Kabupaten Sigi dan Parigi Montong, di mana seramai lapan orang meninggal dunia.



2018

Pada hari Jumaat 28 September 2018, tsunami terjadi di Palu. Puncaknya adalah longSORAN sedimen dasar laut susulan gempa 7.4 SR yang menggegar Donggala.





2.2 GEMPABUMI: SESAR PALU-KORO


Sesar - dalam Bahasa Inggeris disebut "fault" - merupakan retakan di kerak bumi yang mengalami pergeseran atau pergerakan.

Sesar Palu-Koro, punca kejadian gempa Donggala dan tsunami Palu, adalah keretakan sepanjang 500 kilometer yang membelah Pulau Sulawesi, memanjang dari utara di Teluk Palu hingga Teluk Bone di selatan.

Sesar ini mencetus gempayang menggoncang

Kabupaten Donggala, Sulawesi Tengah pada jam 17:02, 28 September 2018.

Sesar Palu-Koro merupakan salah satu sesar paling aktif di dunia. dan menjadi ancaman terbesar bagi Sulawesi Tengah, terutama Kota Palu. Setiap tahun pergeserannya sekitar 4.5 sentimeter. Rakaman sejarah menunjukkan gempa terkuat di sesar ini terjadi pada 1909, yang dianggarkan berkekuatan 7 Skala Richter.



Bangunan hotel 10 tingkat runtuh sepenuhnya selepas gempa di Palu.



Kenderaan-kenderaan terperangkap di atas jalan yang retak dan mendap akibat gempa.




2.3 TSUNAMI: PALU DAN DONGGALA

Susulan gempa, tsunami setinggi hingga tujuh meter melanda Palu, Donggala dan Mamuju, menghantam bangunan dan rumah di kawasan pantai.

Gempa turut menyebabkan kejadian likuifaksi tanah di sekitar Palu di mana bangunan-

bangunan tenggelam ke dalam tanah.

Pesta Nomoni di pantai Palu diteruskan apabila pihak berkuasa membatalkan amaran tsunami, menyebabkan ratusan orang terperangkap dan dihantam ombak.



Keadaan sebelum dan selepas likuifaksi tanah di kawasan Petobo, kota Palu, pada 17 Ogos 2018.



2.4 LIKUIFAKSI: PETOBO, BALAROA DAN JONO OGE

Sebahagian daripada kawasan Sulawesi Tengah dilanda aliran tanah selepas kejadian gempa, akibat likuifaksi. Kawasan yang teruk terjejas adalah daerah Petobo di selatan Palu dan perkampungan Balaroa di pinggir kota Palu. Kedua-dua kawasan tersebut terletak jauh dari kawasan pantai.

Di Petobo, sekurang-kurangnya 34 pelajar yang mengikuti kem pengajian Bible terbunuh, dan lebih 744 buah rumah musnah.

Balaroa hampir tenggelam sepenuhnya apabila tanah mendap, di mana kebanyakan daripada 1,747 buah rumah di situ tenggelam.



Pemandangan di pantai Taman Ria, barat Palu, selepas dilanda tsunami.



Masjid Besar Baiturrahman runtuh dalam gegaran di Palu.



Penduduk mencari ahli keluarga di kawasan evakuasi mayat di Hospital Bhayangkara, Palu.



Mangsa dirawat di dalam kemah terbuka berdekatan Hospital Undata, Palu.




2.5 STATISTIK MANGSA DAN KEMUSNAHAN

Sekurang-kurangnya 2,657 disahkan terkorban dan lebih 10,000 yang lain tercedera, 4,612 daripadanya dalam keadaan parah.

Donggala, Kota Palu, Sigi dan Parigi Moutong merupakan Kawasan yang dilanda teruk.

Bencana ini melibatkan 206,494 orang mangsa dan 60,451 rumah rosak teruk atau tidak lagi layak untuk dihuni.



Kawasan	Kematian	Kecederaan	Hilang
Palu	2,141	1,549	832
Sigi	289	1,112	227
Donggala	212	1,750	14
Parigi Moutong	15	27	2
Jumlah	2,657	4,488	1,075

3.0 MISI KEMANUSIAAN HALUAN



3.1 KEMPEN KUTIPAN DANA BANTUAN

Kempen kutipan dana dari masyarakat awam Malaysia dilakukan melalui dua cara utama, iaitu:

- 1) Ceramah dan pameran, dan
- 2) Kempen kutipan atas talian melalui jaringan media social.

HALUAN bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) untuk menyalurkan sebahagian daripada sumbangan hari Jumaat dari masjid-masjid di seluruh negeri Pahang untuk disalurkan ke tabung bantuan misi.



3.2 PENGHANTARAN PASUKAN MISI KEMANUSIAAN

HALUAN telah berjaya menghantar enam pasukan bagi Misi Kemanusiaan Sulawesi 2018, melibatkan 20 sukarelawan.

PASUKAN 1

4 - 10 Okt 2018

- Tugas meninjau (recce) dengan kerjasama dengan NGO tempatan.
- Rawatan perubatan.
- Motivasi dan pemulihan trauma.

Sehingga akhir 2018



26 sukarelawan

lebih
RM 300,000

telah disampaikan dalam
Misi Kemanusiaan Sulawesi
2018.

PASUKAN 2

6 - 24 Okt 2018

- Tugas media untuk mendapatkan berita dan fakta bagi tujuan kempen bantuan.
- Bantuan bekalan air bersih.
- Memulakan projek pembinaan rumah sementara (Huntara) yang dinamakan sebagai Rumah HALUAN Prihatin (RHP).
- Agihan kit kebersihan diri.



Timbalan Pengarah JAIP, Dato' Hj. Mohd Ghazali (berbaju biru), serah sumbangan rakyat Pahang.

PASUKAN 3

24 - 31 Okt 2018

- Bekalan air bersih.
- Memantau projek pembinaan RHP.
- Motivasi, kaunseling dan pemulihan trauma.

PASUKAN 4

(Termasuk sukarelawan JAIP)

2 - 7 Nov 2018

- Agihan makanan asas.
- Serahan rasmi RHP 1 kepada keluarga mangsa.
- Projek pembinaan masjid sementara.
- Agihan bantuan JAIP.

PASUKAN 5

(Termasuk sukarelawan YADIM)

9 - 14 Okt 2018

- Ziarah mangsa yang masih memerlukan bantuan, serta agihan makanan asas.
- Serahan rasmi RHP 2.
- Serahan rasmi masjid sementara.

PASUKAN 6

2 - 7 Dis 2018

- Agihan makanan asas.
- Pemantauan projek pembinaan RHP.
- Kaunseling keluarga RHP 1 dan RHP 2.

PASUKAN 7**27 Dis 2018 - 3 Jan 2019**

- Pemantauan projek RHP 6 dan aktiviti sosioekonomi RHP.
- Nasihat dan bimbingan praktikal bidang pertanian.

PASUKAN 8B**21 - 24 Jan 2019**

- Penyerahan rasmi 12 unit RHP 7.
- Motivasi dan pendidikan.

PASUKAN 8

(Bersama Presiden HALUAN)

9 - 13 Jan 2019

- Penyerahan RHP 6.
- Pertemuan mesra HALUANITA dengan warga RHP.
- Motivasi dan aktiviti pendidikan.
- Lawatan NGO tempatan.
- Ceramah motivasi di masjid.



PKPU Human Initiative membantu persiapan logistik, pendataan dan pemantauan projek bantuan.

**3.3 KERJASAMA STRATEGIK AGENSI DAN NGO****PKPU Human Initiative**

NGO kemanusiaan Indonesia yang membekalkan maklumat strategi dan situasi lapangan, logistik, agihan bantuan serta pemantauan projek.

**Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP)**

Kerjasama kutipan dana dari masjid-masjid seluruh negeri Pahang. Tiga sukarelawan JAIP turut menjayakan misi di lapangan.

**Baitul Maal Hidayatullah**

NGO kemanusiaan Indonesia yang memberikan bantuan dari aspek keperluan keluarga yang menghuni RHP. Terlibat dalam beberapa siri motivasi dan pendidikan keluarga.

**Yayasan Amal Malaysia**

Rakan NGO yang menjalin kerjasama strategik melaksanakan projek bantuan di Sulawesi, termasuk pembinaan bersama enam buah masjid darurat sementara.

**Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)**

Seorang sukarelawan YADIM menyertai misi di lapangan bagi membuat liputan media.

**IOM International Organisation for Migration**

NGO antarabangsa cawangan Indonesia yang terlibat dalam agihan bantuan keperluan warga RHP. Mereka juga membantu dalam pemasangan saluran air dan bekalan air bersih.



Menyantuni anak-anak mangsa tsunami di khemah penginapan sementara Balaroa, Donggala.






3.4 LOKASI BANTUAN

Program dan aktiviti bantuan HALUAN difokus di kawasan Kacamatan Banawa, Kabupaten Donggala, Sulawesi Tengah, dan juga empat Kelurahan yang musnah teruk di landa gempa dan tsunami.






Berikut adalah situasi dan statistik ringkas kawasan terbabit dalam bantuan HALUAN:


Kacamatan Banawa

-  Terdapat **9 Kelurahan** dan **5 Perkampungan**.
-  Jumlah penduduk **lebih 19,000** orang.
-  Pekerjaan utama adalah **Nelayan** dan **petani**.



Rawatan kesihatan dan perubatan untuk 250 mangsa dan pesakit di sekitar Donggala.

	Kelurahan Boya	Kelurahan Tanjung Batu	Kelurahan Labuan Bajo
 Bilangan keluarga	33	50	72
 Bilangan penduduk	187	275	314
 Bilangan rumah rosak teruk/ tenggelam	31	50	40
 Bilangan kematian	31	2	0
 Bilangan hilang atau tidak ditemui	12	2	0



Kedudukan Palu, Kacamatan Banawa, Kalurahan Boya, Kelurahan Tanjung Batu dan Kelurahan Labuan Bajo.

4.0 BANTUAN FASA KECEMASAN DAN DARURAT



4.1 AKTIVITI ASAS MISI BANTUAN

Bantuan fasa kecemasan dan darurat melibatkan agihan keperluan asas, rawatan kesihatan, bekalan air bersih dan penempatan sementara.

Menjalin Kerjasama Dengan NGO Tempatan

HALUAN mengenalpasti NGO PKPU Human Initiative Indonesia sebagai rakan kerjasama strategik sebelum menghantar pasukan bantuan. Kerajaan Indonesia mensyaratkan semua NGO antarabangsa bekerjasama dengan NGO tempatan untuk melaksanakan aktiviti bantuan kemanusiaan di lapangan.

Lokasi Tumpuan Bantuan HALUAN

Melalui kerjasama dan nasihat NGO dan pihak berkuasa tempatan, HALUAN menumpukan aktiviti bantuan di Kota Palu, Donggala dan Sigi. Wilayah tersebut merupakan kawasan kemusnahan paling teruk.

Pendataan Situasi Lapangan dan Mangsa

Kerja pendataan dan statistik situasi lapangan dan mangsa dilakukan dengan kerjasama PKPU Human Initiative bagi tujuan perancangan gerakerja. HALUAN memberi fokus di Kacamatan Banawa dan Kabupaten Donggala.

Aktiviti Bantuan Awal

1. Meninjau tempat bencana serta khemah penempatan sementara di kawasan teruk akibat gempa, tsunami dan likuifaksi tanah di Pantai Talise, Petobo, Jono Oge dan Balaroo di Kota Palu, serta Sigi dan Pantai Barat Donggala.
2. Agihan bahan keperluan asasi (Sembako) di kawasan penempatan sementara.
3. Memberi rawatan kesihatan dan perubatan kepada 250 pesakit di kawasan khemah penempatan sementara di Kabupaten Donggala.
4. Mengagih bekalan air bersih dan menyumbang tanki air untuk penghuni khemah sementara.
5. Membina lima buah rumah Hunian Sementara (Huntara) untuk 60 keluarga di Kacamatan Banawa dan Kabupaten Donggala.



Mengumpul data dan maklumat keperluan mangsa di Kelurahan Boya.



Program pemulihan trauma anak-anak di Kelurahan Kabonga Kecil, Sulawesi Tengah.



Agihan sembako untuk 300 keluarga mangsa di Sigi, Donggala Barat.



Mangsa-mangsa menunggu giliran mendapatkan rawatan kesihatan di Donggala.



Program motivasi di Desa Loro Tatari, Palu.



4.2 BANTUAN SUSULAN KECEMASAN

Agihan barangan keperluan asas

Keperluan asas (Sembako) berupa diagihkan kepada 300 keluarga mangsa di Sigi dan Donggala. Setiap pakej mengadungi barangan berikut:

1. Beras
2. Minyak masak
3. Sosej
4. Gula pasir
5. Biskut

Kos keseluruhan bantuan: IDR 164,338,000 (RM 47,200)



Bekalan air bersih di khemah pengongsian di Donggala.



Satu majlis agihan sembako kepada keluarga mangsa tsunami di Desa Lolo, Sigi.

Pembinaan telaga tiub dan agihan air bersih

Pembinaan telaga tiub dan agihan air bersih di Kabupaten Donggala.

1. Dua tangki air (tandon) dan bekalan air bersih di khemah pengongsian.
2. 10 tangki air di Rumah HALUAN Prihatin.
3. Dua 2 telaga tiub di Rumah HALUAN Prihatin.

Kos keseluruhan bantuan: IDR 8,246,500 atau RM 2,368



Agihan air bersih di lokasi penginapan sementara di Donggala.

5.0 PELAKSANAAN PROJEK FASA PEMULIHAN



5.1 PEMBINAAN RUMAH HALUAN PRIHATIN

Rumah HALUAN Prihatin (RHP) dibina berkonsepkan rumah sementara (Huntara) untuk kediaman mangsa bencana yang hilang rumah, rosak teruk sehingga 70%, atau tidak lagi layak didiami.

Tumpuan pembinaan di Kabupaten Donggala, iaitu di lokasi berikut:

1. Kelurahan Boya (Muara) – lebih 30 buah rumah runtuh dan tenggalam ke dalam laut.
2. Kelurahan Tanjung Batu – lebih 50 buah rumah rosak teruk akibat dilanda tsunami.
3. Kelurahan Boya – lebih 40 buah rumah rosak teruk.

Spesifikasi Rumah

1. Ukuran : 3.0m x 3.0m x 2.4m
2. Bahan binaan: kerangka kayu, bumbung zink, dinding plywood triplex, lantai simen.
3. Konsep rumah panjang 4-6 pintu/bilik/unit
4. Bilik air dan tandas umum, lengkap dengan tangki septik
5. Dapur umum
6. Bekalan eletrik dan air disediakan.

Kemudahan Umum

Setiap lokasi ada 12 unit dengan kemudahan berikut:


1. Satu dapur umum,
2. Dua bilik mandi, dan
3. Dua buah tandas berasingan lelaki dan wanita.

Kerja Pembinaan

Pembinaan bermula dari minggu ketiga bulan Oktober hingga 21 Mac 2019.

Sebanyak 72 unit RHP di empat lokasi telah siap dibina dan dihuni oleh 72 keluarga yang majoritinya adalah nelayan.

Kos keseluruhan bantuan: IDR 345,460,000 atau RM 99,119.00



RHP A Kelurahan Boya

- Mula dibina: 22 Oktober 2018
- Jumlah unit: 12
- Kemudahan: 1 dapur umum, 2 bilik air dan 2 tandas berasingan, 2 tangki air
- Serahan rasmi kepada 12 keluarga pada 5 November 2018



RHP	Lokasi	Bil Keluarga	Bil Ahli Keluarga
A	Kelurahan Boya	12	36
B	Kelurahan Ganti	12	41
C	Kelurahan Tg Batu	12	45
D	Kelurahan Ganti	12	38
E	Kelurahan Ganti	12	45
F	Kelurahan Ganti	12	49
G	Kelurahan Ganti	12	44
Jumlah		84	299



RHP B**Kelurahan Ganti**

- **Mula dibina:** 26 Oktober 2018
- **Jumlah unit:** 12
- **Kemudahan:** 1 dapur umum, 2 bilik air dan 2 tandas berasingan, 1 unit telaga tiub dan pam, 2 tangki air
- Serahan rasmi kepada 12 keluarga pada 6 November 2018

**RHP C & D****Kelurahan Ganti**

- **Mula dibina:** 8 November 2018
- **Jumlah unit:** 24
- **Kemudahan:** 2 dapur umum, 4 bilik air dan 4 tandas berasingan, 1 unit telaga tiub dan pam, 4 tangki air
- Serahan rasmi kepada 12 keluarga pada 12 Disember 2018



RHP G**Kelurahan Ganti**

- **Mula dibina:** 15 hb Februari 2019
- **Jumlah unit:** 12
- **Kemudahan:** 1 dapur umum, 2 bilik air dan 2 tandas berasingan, 2 tangki air, 1 unit telaga tiub dan pam, bekalan elektrik.
- Serahan rasmi kepada 12 keluarga pada 24 Mac 2019

**5.2 PEMBINAAN MASJID SEMENTARA****Lokasi Pembinaan**

HALUAN bekerjasama dengan Yayasan AMAL Malaysia membina masjid sementara di enam lokasi di Palu.

1. Desa Kayu Pajeko, Kecamatan Palu Utara
2. Desa Maluei Bhamba, Kecamatan Palu Utara
3. Desa Mpanau, Kecamatan Taweli
4. Desa Loro Tatari, Kecamatan Sindue
5. Desa Bora, Kecamatan Biromaru, Kabupaten Sigi
6. Desa Lonja, Kecamatan Tanabulava, Kabupaten Sigi

Spesifikasi Binaan Masjid

Ukuran: 6m x 12m

Kerangka menggunakan aluminium.

Lantai simen

Dinding 1m batu blok.

Kos setiap satu: RM 8,000.00 -10,000.00

Kos Keseluruhan Bantuan: IDR 102,949,207 atau RM 30,000





5.3 PROGRAM MANDIRI SOSIOEKONOMI

Tujuan program ini adalah untuk membina semula keluarga yang kehilangan harta dan pekerjaan, dengan mambantu mereka berdikari sebagai usahawan kecil.

1. Projek Membuat Abon (Serunding Ikan)

Program ini melibatkan pembuatan abon (serunding ikan). Produk makanan berasaskan ikan ini amat popular di Sulawesi dan boleh menembusi pasaran tempatan dan luar negara.

Ia akan menjadi sumber pendapatan sampingan keluarga nelayan, selain menjual terus hasil tangkapan ikan di pasar dan peraih.

Bantuan yang diberikan

1. **Alatan:** Kualiti besar, dapur dan gas, mesin pengisar, plastik bungkus
2. **Bahan Asas:** Minyak masak, bawang merah & putih, perencah.

Sehingga Mac 2019, empat set peralatan telah disediakan untuk warga RHP.

Bantuan Awal: IDR1,500,000 atau RM 430



Agihan peralatan dapur, mesing pengisar dan bahan mentah untuk menghasilkan produk serunding ikan.

2. Projek Jahitan Pakaian

Program ini membuka ruang kepada surirumah untuk menghasilkan jahitan telekung (mukena), tudung, seluar dan baju.

Sehingga ini, 2 mesin jahit dan 1 mesin jahit tepi telah disediakan.

3. Projek Pertanian Di Sekitar RHP

HALUAN telah memberikan latihan secara teori dan praktikal bagi penghuni memulakan projek pertanian, termasuk dalam aspek membuat kompos, penanaman, pembajaan dan penjagaan.

Beberapa jenis tanaman termasuk sayuran telah di tanam di sekitar kawasan lapang RHP. Sasaran hasil untuk kegunaan bersama warga RHP.

3. Program Motivasi dan Pendidikan

Program motivasi dan pendidikan dilaksanakan di setiap RHP secara berjadual, dengan menggunakan tenaga pengajar dan kaunselor tempatan. Sehingga kini, bantuan yang diberikan adalah

- a) Kelas Al-Quran untuk anak-anak dan dewasa.
- b) Bantuan khas untuk pembelajaran kepada anak-anak yatim.



Kelas Al-Quran untuk anak-anak warga RHP C dan D.



Serahan mesin menjahit kain kepada salah seorang warga RHP.



Antara hasil jahitan pakaian, telekung dan tudung keluaran warga RHP.



Permulaan projek pertanian di kawasan RHP di Kabupaten Donggala.



Sebahagian daripada projek pertanian yang telah membuahkan hasil.



5.4 KERJASAMA DAN KUNJUNGAN SUSULAN

HALUAN menjalin kerjasama strategik dengan NGO tempatan dan antarabangsa untuk menjayakan program pemulihan awal di penempatan sementara RHP. Selain dapat membantu dalam aspek memahami adat-budaya dan keperluan penduduk, langkah ini juga dapat mengurangkan beban kewangan.

Presiden HALUAN memberi perhatian khusus dalam menjayakan bantuan susulan untuk penduduk Palu, dengan menyertai misi ke lapangan untuk menyantuni warga RHP serta menjalin hubungan dan kerjasama yang lebih erat.

1. Bantuan dan Kerjasama NGO Tempatan dan Antarabangsa

Beberapa NGO tempatan dan antarabangsa turut menghulurkan bantuan kepada warga Rumah HALUAN Prihatin.

Antara bantuan tersebut termasuklah

- a) **Baitul Maal Hidayatullah**, sebuah NGO Indonesia yang menyumbang peralatan pendidikan dan kemudahan solat serta membantu pelaksanaan program motivasi keluarga.
- b) **International Organisation for Migrant (IOM)**, sebuah pertubuhan antara kerajaan yang terkait dengan PBB. Mereka menyediakan kelengkapan tidur, bilik air, pam air elektrik dan telaga tiub, serta perparitan.
- c) **SOS Save The Children**, sebuah NGO antarabangsa yang berpangkalan di Austria. Mereka membekalkan peralatan dapur dan tilam bantal.

2. Kunjungan Presiden HALUAN ke Lapangan

Presiden HALUAN, Dr. Abdullah Sudin bin Ab Rahman, turut menyertai misi kemanusiaan ke Palu dari 9 hingga 13 hb Mac 2019 bagi menyantuni mangsa-mangsa bencana gempabumi, tsunami dan likuafaksi di Sulawesi Tengah. Beliau diiringi oleh beberapa orang Ketua Biro dan Ahli Jawatankuasa Pusat HALUAN.

Antara lain, Dr. Abdullah Sudin dan delegasi telah melaksanakan tugas berikut:

- a) Kunjungan ke lokasi kesan bencana gempabumi, tsunami dan likuafaksi di Palu, Sigi dan Donggala.
- b) Berkunjung dan menjalin hubungan dengan Baitul Maal Hidayatullah, Yayasan Al-Khairat dan Ketua Majlis Ulama' Indonesia di Kabupaten Donggala.
- c) Menyantuni keluarga-keluarga dan menyampaikan bantuan peralatan sekolah kepada anak-anak warga Rumah HALUAN Prihatin A-F.
- d) Menyempurnakan majlis serahan unit-unit Rumah HALUAN Prihatin F di Kelurahan Ganti.



Presiden HALUAN menyampaikan bantuan peralatan sekolah kepada anak-anak warga RHP.



Dr. Abdullah Sudin menyantuni mangsa tsunami yang menjadi penghuni rumah sementara di Donggala.



Delegasi HALUANITA beramah mesra dengan wanita-wanita warga RHP.

6.0 RANCANGAN PENERUSAN BANTUAN

HALUAN mengenal pasti tiga bantuan dan aktiviti susulan yang paling diperlukan oleh mangsa-mangsa bencana, iaitu

1. Pembinaan lebih banyak rumah sementara,
2. Penerusan projek pemulihan ekonomi keluarga, dan
3. Program motivasi dan pendidikan.

6.1 RUMAH SEMENTARA (RHP) TAMBAHAN

Lebih 100 keluarga bencana dari Kelurahan Tanjung Batu, Labuan Bajo dan Maleni yang mengalami kerosakan rumah yang teruk masih lagi tinggal dalam khemah pengongsian di sekitar Donggala, atau menumpang di rumah sanak saudara.

Sasaran

Bilangan: 100 buah Rumah HALUAN Prihatin

Tindakan: mulai minggu ke 4 Disember 2018.

Kos pembiayaan: RM 250,000

6.2 PROGRAM MOTIVASI DAN PENDIDIKAN

Sasaran

1. Dilaksanakan di setiap RHP secara berjadual.
2. Tenaga pengajar dan kaunselor tempatan.

Tindakan

1. Kelas pengajian Al-Quran untuk anak-anak dan dewasa, menggunakan tenaga pengajar tempatan.
2. Bantuan khas untuk pembelajaran kepada anak-anak yatim, bagi 35 anak yatim yang kehilangan ibu atau bapa, atau kedua-duanya.

Kos pembiayaan: RM 30,000

6.3 PROJEK MANDIRI BAGI PEMULIHAN EKONOMI

Projek mandiri bagi pemulihan ekonomi keluarga difokuskan untuk suri rumahtangga, khasnya ibu-ibu tunggal

1) Projek Membuat Abon (Serunding Ikan)

Projek membuat abon (serunding ikan) di setiap Rumah HALUAN Prihatin yang sedia ada.

Sasaran

Bilangan: 10 set alatan (Dua set alatan di setiap RHP)

Tindakan: Latihan usahawan pemasaran tempatan dan luar negara.

Kos pembiayaan: RM 20,000

2) Projek Jahitan Telekung dan Tudung

Sasaran

Bilangan: 10 set mesin jahit dan alatan berkaitan (2 set di setiap RHP)

Tindakan: Latihan usahawan jahitan dan pemasaran tempatan dan luar negara.

Kos pembiayaan: RM 15,000

3) Projek Pertanian

Projek tanaman sayur yang boleh membekalkan sayur-sayuran dan pendapatan tambahan kepada keluarga terbabit.

Sasaran

Bilangan: Setiap satu di RHP B, C dan B, yang mempunyai kawasan sesuai.

Tindakan: Tunjuk ajar dan motivasi akan diberikan oleh pakar pertanian HALUAN.

Kos pembiayaan: RM 10,000

7.0 RUMUSAN MISI BANTUAN SULAWESI

7.1 KESAN BENCANA

Bencana gempabumi, tsunami dan likuifaksi tanah yang melanda Wilayah Sulawesi Tengah pada 28 September 2018 merupakan satu lagi bencana yang menimpa Indonesia. Bencana alam yang berlaku dalam tempoh hanya beberapa minit itu bukan sahaja telah memusnahkan infrastruktur, malah

mengorbankan lebih 2,000 jiwa di samping puluhan ribu lagi yang masih hilang.

Kehilangan orang yang tersayang, kecederaan yang dialami dan kehilangan atau kerosakkan rumah kediaman, turut juga meninggalkan kesan trauma psikologi yang berpanjangan.

7.2 AKTIVITI BANTUAN KEMANUSIAAN HALUAN

Pasukan sukarelawan HALUAN mula berada di lapangan pada hari keenam bencana, bekerjasama dengan NGO dan pihak berkuasa tempatan dalam merancang dan melaksanakan aktiviti bantuan kemanusiaan.

Sehingga Mac 2019, seramai 26 sukarelawan HALUAN terlibat mengagih bantuan makanan asasi, bekalan air bersih, rawatan perubatan dan kesihatan, motivasi dan kaunseling pemulihan trauma, serta membina enam buah masjid darurat dan 84 unit rumah sementara untuk keluarga yang amat memerlukan.

Rumah sementara yang dinamakan "Rumah HALUAN Prihatin" diserahkan kepada keluarga nelayan yang kehilangan rumah terutamanya di Kecamatan Banawa, Kabupaten Donggala. Binaan berkonsepkan rumah panjang itu mempunyai unit-unit bilik keluarga yang

berukuran 10' x 12' setiap satu, dilengkapi dengan dapur umum, bilik air serta tandas umum yang dibina di beberapa lokasi yang lebih selamat dan kondusif.

Rumah HALUAN Prihatin juga akan dijadikan pusat aktiviti penerusan program motivasi dan pendidikan khasnya kepada anak-anak yatim yang turut sama tinggal bersama ahli keluarga yang lain.

Melalui kerjasama dengan Yayasan Amal Malaysia, HALUAN telah membina enam buah masjid sementara di Palu.

HALUAN telah memberi bimbingan, bantuan peralatan dan modal awal, terutamanya kepada suri rumahtangga dan ibu tunggal, dalam program pemulihan ekonomi untuk menghasilkan produk serunding ikan serta jahitan telekung dan tudung.

7.3 PENERUSAN BANTUAN

HALUAN berharap untuk membina lebih banyak Rumah HALUAN Prihatin, kerana sehingga kini masih ramai mangsa-mangsa bencana yang terpaksa tinggal dalam khemah di tepian jalan ataupun di kawasan terbuka.

Keluarga mangsa, terutama dari kalangan anak-anak yatim, juga memerlukan bantuan motivasi dan pendidikan demi kelangsungan hidup tanpa ibubapa.

HALUAN turut merancang penerusan projek membantu ibu-ibu tunggal berdikari memulih ekonomi keluarga. Projek tersebut melibatkan bantuan latihan, peralatan dan modal awal bagi mereka menghasilkan produk harian seperti serunding ikan, jahitan tudung dan telekung, serta bekalan sayur-sayuran.

Sebahagian daripada produk-produk tersebut berpotensi untuk pasaran luar.



Agihan keperluan asas untuk penghuni RHP A di Kelurahan Boya.



SUMBANGAN ANDA

boleh disalurkan melalui akaun berikut


Tabung Kebajikan & Kemanusiaan HALUAN

5622 6350 2611


Maybank Islamic Berhad



[April 2019]

 www.haluan.org.my

    [haluanmalaysia](https://www.facebook.com/haluanmalaysia)

 [HALUANHumanitarian](https://www.facebook.com/HALUANHumanitarian)